PP lwn. KHIEW BU POH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZIZUL AZMI ADNAN H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45B-29-04-2017]
26 FEBRUARI 2019

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Membunuh – Pelakuan kesalahan dirakam dalam rakaman litar tertutup – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen-elemen pembunuhan – Sama ada berlaku kematian seseorang – Sama ada kematian disebabkan atau berakibat daripada perbuatan tertuduh – Sama ada perbuatan membunuh dilakukan dengan niat – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie – Sama ada pembelaan tertuduh berjaya membangkitkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan – Kanun Keseksaan, ss. 300 & 302*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pembelaan – Automatisme – Tertuduh dituduh melakukan pembunuhan – Pelakuan membunuh dirakam dalam rakaman litar tertutup – Pembelaan bahawa tertuduh dalam keadaan automatisme kerana bawah pengaruh dadah – Sama ada gerak-geri dan tindakan tertuduh dalam rakaman litar tertutup selaras dengan pembelaan bahawa dia tidak sedar apa-apa yang dilakukan – Sama ada pembelaan tertuduh berjaya membangkitkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan – Kanun Keseksaan, ss. 300 & 302*

Tertuduh dituduh di Mahkamah Tinggi kerana membunuh, satu kesalahan bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Kejadian berlaku di rumah seorang bernama Yap dan rakaman litar tertutup menunjukkan (i) tertuduh, Yap dan mangsa menggunakan alat yang disyaki peralatan menghisap dadah pada malam 18 Ogos 2016; (ii) pada pukul 3.30 pagi, tertuduh mengeluarkan sepucuk pistol dan meletakkannya dalam tangan Yap; (iii) Yap, yang mempunyai masalah kesihatan, kekok mengendalikan pistol tersebut dan tertuduh membantunya lalu melepaskan tembakan ke lantai; (iv) tertuduh mengambil pistol tersebut dan, sekali lagi, melepaskan tembakan ke lantai; (v) tertuduh kemudian mengacukan pistol ke arah mangsa dan melepaskan tembakan dari jarak dekat yang mengenai dada mangsa; (vi) mangsa cuba melarikan diri tetapi tertuduh melepaskan satu lagi tembakan; (v) mangsa bangun untuk melarikan diri namun tertuduh, sekali lagi, melepaskan satu tembakan; (vi) tertuduh tenang mengekori mangsa dan melepaskan satu lagi tembakan dengan memegang pistol menggunakan kedua-dua tangannya; (vii) anak peluru terkena mangsa kerana dia terlanggar dinding dan bahagian bawah tangga; (viii) tertuduh melepaskan tembakan ketujuh dan terakhir; (ix) mangsa terhuyung-hayang ke dapur lalu mencangkung dan kemeja T yang dipakai mangsa berlumuran darah; (x) mangsa dilibas oleh pistol yang dipegang oleh tertuduh, menyebabkan mangsa jatuh terlentang di atas lantai; (xi) tertuduh yang nampak resah dan gelisah, 'menghumban' atau 'membuang' tangannya ke udara dan seterusnya membuka baju dan menggeleng-gelengkan kepala; (xii) sepuluh minit kemudian, tertuduh

mengemas bilik tamu sambil memakai sarung tangan; (xiii) pada pukul 10 pagi, tertuduh membawa kain kuning ke dapur; (xiv) pada pukul 11.25 pagi, tertuduh menggerakkan sebuah kenderaan ke dalam perkarangan rumah; (xv) dua lagi lelaki menyusul dan mereka membantu tertuduh mengheret satu bungkusan kuning dari dapur ke bahagian depan rumah; dan (xvi) akhirnya, bungkusan kuning tersebut dibalut dengan kain gelap sebelum diangkat ke atas bahagian belakang kenderaan tersebut. Tertuduh menyerah diri di balai polis dan ujian saringan air kencing tertuduh positif dadah amfetamin. Namun begitu, ujian gas *chromatography mass spectrometry* tidak menunjukkan kesan amfetamin dalam air kencing tertuduh. Di samping itu, tertuduh juga ada menunjukkan tempat dia menyembunyikan sepucuk pistol. Berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie*, tertuduh dipanggil membela diri. Tertuduh membangkitkan pembelaan bahawa dia dalam keadaan automatisme akibat pengambilan dadah. Menyokong pembelaannya, tertuduh menyatakan (i) Yap menelefonnya untuk menolong di rumahnya; (ii) dia telah mengambil dadah selama dua atau tiga hari; (iii) dia tidak ingat apa-apa yang berlaku dan tidak ingat ada menembak mangsa mahupun apa-apa tentang kejadian tersebut; (iv) dia hanya sedar kembali apabila berada di rumah kawan lain; dan (v) dia telah ke balai polis tanpa mengetahui mengapa dia ke sana.

Diputuskan (mensabitkan tertuduh dengan kesalahan bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan menjatuhkan hukuman mati atas tertuduh):

(1) Dalam kes pembunuhan, pihak pendakwaan harus membuktikan elemen-elemen berikut tanpa apa-apa keraguan munasabah: (i) berlaku kematian seseorang; (ii) kematian tersebut disebabkan atau berakibat daripada perbuatan tertuduh; dan (iii) perbuatan tersebut dilakukan dengan niat seperti yang dihurai dalam s. 300 KK. (perenggan 28 & 29)

(2) Tiada apa-apa keraguan bahawa mangsa yang meninggal dunia ialah orang yang dinyatakan dalam pertuduhan. Identiti mangsa ditentukan melalui kad pengenalannya dan bapa dan kakaknya yang tampil memberi keterangan. (perenggan 30 & 31)

(3) Laporan bedah siasat mendedahkan dua tembakan pada bahagian dada mangsa mengakibatkan kematiannya. Keterangan rakaman litar tertutup jelas menunjukkan tembakan-tembakan yang mengakibatkan kematian mangsa dilepaskan oleh tertuduh. Satu laporan balistik menunjukkan (i) anak peluru yang dijumpai di tempat kejadian ditembak menggunakan pistol yang dijumpai dengan maklumat yang diberi oleh tertuduh; dan (ii) lima butir kelongsong peluru yang dijumpai di dalam kenderaan tersebut ditembak menggunakan pistol yang sama. Oleh itu, pistol yang dijumpai dengan maklumat yang diberi oleh tertuduh dapat dikaitkan dengan kejadian tembakan. Elemen kedua kesalahan, iaitu kematian mangsa disebabkan atau berakibat daripada perbuatan tertuduh, telah dibuktikan (perenggan 32, 33 & 45-47)

(4) Niat seseorang sukar dipastikan. Lazimnya, niat seseorang perlu ditentukan dengan membuat inferens berdasarkan fakta-fakta objektif kes. Faktor-faktor berikut menunjukkan tertuduh membentuk niat membunuh mangsa: (i) tertuduh telah melepaskan tembakan bertubi-tubi terhadap mangsa. Lima das tembakan dilepaskan ke arah mangsa dan setiap satu kena pada sasaran. Dua, daripada lima, tembakan mendatangkan maut pada mangsa dan dua tembakan berturut sudah memadai untuk mahkamah membuat inferens seorang tertuduh berniat membunuh; (ii) tembakan pertama dan kedua dilepaskan dari jarak yang amat dekat, dianggarkan tiga hingga lima kaki sahaja. Lebih dekat jarak tembakan, lebih berkemungkinan tertuduh berniat membunuh mangsa; lebih-lebih lagi apabila menggunakan senjata berkaliber besar dan/atau berdaya tinggi; (iii) selepas mangsa cuba melarikan diri, tertuduh masih melepaskan tembakan ke arahnya; dan (iv) semua tembakan yang dilepaskan oleh tertuduh disasarkan pada bahagian badan mangsa yang terletaknya organ penting. Inferens yang boleh dibuat ialah tembakan-tembakan yang dilepaskan oleh tertuduh dilakukan dengan niat menyebabkan kematian, bawah s. 300(a) KK. (perenggan 50, 77 & 78)

(5) Berdasarkan rakaman litar tertutup, sejurus selepas tertuduh melakukan perbuatan bunuh tersebut, tertuduh berjalan kembali ke ruang tamu rumah dan dia seolah-olah resah dan gelisah. Tertuduh dilihat beberapa kali 'menghumbankan' kedua-dua tangannya ke udara dan menggeleng-gelengkan kepalanya. Kesimpulan yang dapat dibuat daripada pemerhatian gerak-geri badan tertuduh ialah dia faham apa-apa yang dilakukannya dan akibat tindakan tersebut. Gerak-gerinya selaras dengan pelakuan seseorang yang menyesal akan perbuatannya atau, setidak-tidaknya, dengan pelakuan seseorang yang sedar apa-apa yang dilakukan mampu mendatangkan impak besar pada kehidupannya akan datang. Tambahan lagi, tindakan tertuduh mengemas tempat kejadian, membungkus mayat dan memuatkannya ke dalam kenderaan tersebut tidak konsisten dengan dakwaan bahawa tertuduh tidak tahu apa-apa yang dilakukannya. (perenggan 79 & 80)

(6) Keterangan yang diterima semasa kes pendakwaan tidak memadai untuk memenuhi keperluan keterangan asas untuk membentuk pembelaan automatisme. Oleh itu, pembelaan automatisme ditolak. (perenggan 83 & 84)

(7) Kes pembelaan tidak mampu membangkitkan apa-apa keraguan munasabah atas kes pendakwaan. Sewaktu pemeriksaan balas oleh pihak pendakwaan, tertuduh berpegang pada jawapan bahawa dia tidak ingat ada menembak mangsa mahupun apa-apa butiran tentang kejadian tembakan tersebut. Namun begitu, tertuduh ingat bahawa dia asyik menghisap dadah pada waktu material dan berupaya menceritakan jenis-jenis dadah yang diambil serta bentuk dan warna dadah-dadah tersebut. Keterangan tertuduh hanya penafian semata-mata. Jelas terdapat ketidakpadanan pada jawapan tertuduh. Tertuduh kononnya

tidak mampu mengingati apa-apa yang berlaku tetapi, dengan jelas dan terperinci, dapat mengimbas kembali jenis dadah yang diambilnya serta memberi deskripsi setiap satu dadah tersebut. (perenggan 100, 101, 102 & 105)

Kes-kes yang dirujuk:
Abd Razak Dalek v. PP [2010] 2 CLJ 956 CA ***(dirujuk)***
Abdul Aziz Mohamed Shariff v. PP [2010] 5 CLJ 733 FC ***(dirujuk)***
Abdul Razak Dalek v. PP [2010] 6 CLJ 357 FC ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chan Kwee Fong v. PP [2010] 3 CLJ 671 CA ***(dirujuk)***
Hoo Ah Tee v. PP [2013] 4 CLJ 228 CA ***(dirujuk)***
Kenneth Fook Mun Lee v. PP [2006] 4 CLJ 359 FC ***(dirujuk)***
Mohd Khayry Ismail v. PP [2014] 1 LNS 412 CA ***(dirujuk)***
Norol Rojik Jun v. PP [2018] 8 CLJ 186 CA ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Razak Dalek [2006] 4 CLJ 129 HC ***(dirujuk)***
PP v. Letchumanan Krishnan [2007] 1 LNS 490 HC ***(dirujuk)***
R v. M'Naghten (1843) 10 C & F 200 ***(dirujuk)***
Sinnasamy v. PP [1955] 1 LNS 148 HC ***(dirujuk)***
Tham Kai Yau & Ors v. PP [1976] 1 LNS 159 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 112, 180, 342, 347, 348
Evidence Act 1950, ss. 62, 65, 90A(4), 105
Penal Code, ss. 39, 84, 85(2)(b), 86(1), 300(a), 302

Sumber-sumber yang dirujuk:
Smith & Hogan's Criminal Law, ms. 62, edisi ke-13, 2011

Bagi pihak pendakwaan - Azeezi Nordin & Ahmad Nazneen Zulkifli; TPR
Bagi pihak tertuduh - Kitson Foong & Chew Jee San; T/n Kit & Assocs
Bagi pihak pemerhati - Jagjit Singh Bant Singh

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Azizul Azmi Adnan H:

Pendahuluan

[1] Tertuduh di dalam kes ini, Khiew Bu Poh, telah didakwa membunuh seorang bernama Wong Fong Sing dengan tembakan bertubi daripada sepucuk pistol separa automatik. Perbuatan tertuduh dirakamkan melalui sistem televisyen litar tertutup. Walaupun peguam bela terpelajar tidak menafikan bahawa *actus reus* diperlakukan oleh tertuduh, beliau berhujah bahawa tertuduh berada di bawah pengaruh dadah pada waktu yang material, dan oleh yang demikian beliau tidak mampu memegang niat untuk disabit kesalahan.

[2] Pertuduhan di dalam kes ini adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 19/8/2016 jam lebih kurang 6.12 pagi di rumah alamat No. 5 Jalan Pelaga, Taman Cheras, di dalam daerah Cheras, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menyebabkan kematian Wong

Fong Sing KPT: 680701-10-6281. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Fakta Material Kes

[3] Pada 15 Ogos 2016 jam lebih kurang 1.58 petang, tertuduh telah datang ke rumah tempat kejadian di No. 5 Jalan Pelaga, Taman Cheras. Rumah tersebut dihuni oleh seorang bernama Yap Kim Seong. Yap mengalami penyakit distrofi otot pada ketika itu, dan memerlukan kerusi roda untuk bergerak. Walaupun Yap merupakan saksi mata kejadian, tetapi apabila perbicaraan berlangsung, beliau telah pun meninggal dunia akibat penyakit tersebut.

[4] Mangsa kejadian, Wong Fong Sing, sampai ke rumah kejadian pada 18 Ogos 2016, pada jam lebih kurang 00.39 pagi.

[5] Rakaman litar tertutup menunjukkan bahawa ketiga-tiga Yap, mangsa dan tertuduh telah menggunakan alat yang disyaki sebagai peralatan menghisap dadah pada malam 18 Ogos 2016, iaitu malam sebelum berlaku insiden tembakan.

[6] Dapat dilihat dari rakaman litar tertutup bahawa pada lebih kurang pukul 3.30 pagi pada 19 Ogos 2016, tertuduh telah mengeluarkan sepucuk pistol daripada almari kecil di ruang tamu rumah No. 5 Jalan Pelaga. Pistol ini diletakkan ke dalam tangan Yap. Oleh kerana keadaan kesihatan Yap, beliau diperhatikan memegang pistol tersebut dengan kekok dalam tangan kanan beliau, dan kelihatan sebagai tidak mampu mengendalikan pistol itu dengan sendirinya. Tertuduh seolah cuba membantu Yap, dan dalam keadaan ini sedas tembakan dilepaskan secara tidak sengaja sewaktu kedua-dua mereka memegang pistol itu. Tembakan ini menghala ke lantai. Tertuduh dengan serta merta mengambil alih pengendalian senjata selepas tembakan pertama itu. Sewaktu tertuduh memegang pistol dengan tangan kirinya, sekali lagi tembakan dilepaskan ke arah lantai. Tertuduh kelihatan seolah terkejut dengan lepasan tembakan tersebut, yang menunjukkan bahawa tembakan kedua ini juga tidak sengaja.

[7] Sebaik sahaja tembakan kedua dilepaskan, tertuduh dilihat mengacukan pistol ke arah mangsa, dan melepaskan tembakan ke arah beliau dari jarak dekat. Pada waktu ini, mangsa sedang duduk di atas bangku di hadapan Yap. Jarak di antara mangsa dan tertuduh dianggarkan lebih kurang lima kaki, dan jarak di antara pistol dan mangsa pula lebih kurang dua atau tiga kaki.

[8] Reaksi mangsa menunjukkan seolah tembakan ketiga ini terkena kepada bahagian dada beliau. Beliau berpaling untuk melarikan diri, tetapi sebelum beliau sempat bangun, tertuduh melepaskan satu lagi tembakan ke arah mangsa. Mangsa kemudian dapat bangun untuk melarikan diri. Dalam

keadaan ini, tertuduh sekali lagi melepaskan tembakan ke arah mangsa. Tembakan ini adalah tembakan kelima yang dilepaskan, dan ketiga yang disasarkan ke arah mangsa.

[9] Dapat dilihat dari gerak-geri tertuduh bahawa beliau tenang dan tidak gementar, dan dapat menumpukan fokus kepada aksi beliau. Tertuduh bergerak mengikut mangsa, dan sewaktu berjalan mengekorinya melepaskan satu lagi das tembakan (iaitu tembakan keenam), kini dengan memegang pistol dengan kedua belah tangan. Mangsa pada waktu ini dilihat menoleh ke belakang. Dari rakaman litar tertutup, jelas dapat dilihat bahawa anak peluru terkena mangsa, kerana reaksi beliau kepada tembakan keenam ini menyebabkannya terlanggar dinding di antara ruang tamu dan ruang bahagian bawah tangga rumah.

[10] Apabila mangsa lalu bahagian bawah tangga menghala ke dapur, dilihat seolah tertuduh melepaskan satu lagi das tembakan[1], iaitu tembakan ketujuh dan yang terakhir.

[11] Semua di atas berlaku dengan pantas. Jangka waktu di antara tembakan pertama dan ketujuh hanya lebih kurang tiga belas saat, mengikut cetakan masa yang direkodkan dalam rakaman litar tertutup.

[12] Seterusnya, mangsa kelihatan bergerak terhuyung-hayang ke ruang dapur, lalu mencangkung di sana. Bahagian dada kemeja T yang dipakai oleh mangsa berlumuran darah. Sewaktu mangsa bercangkung, tertuduh menghampirinya dan melibas mangsa dengan pistol yang dipegang kedua tangan beliau, menyebabkan mangsa jatuh terlentang di lantai dapur.

[13] Sejurus selepas itu, tertuduh berjalan kembali ke ruang tamu rumah tersebut. Gerak-geri badan tertuduh jelas menunjukkan bahawa beliau resah dan gelisah. Tertuduh dapat dilihat beberapa kali menghumbankan atau membuang kedua tangannya ke udara. Beliau juga membuka baju yang dipakainya dan menggeleng kepala[2]. Fakta-fakta ini merupakan keterangan penting dalam kes ini, seperti yang akan dihuraikan di perenggan [79] di bawah.

[14] Dalam waktu lebih kurang sepuluh minit selepas insiden tembakan, tertuduh dapat dilihat memakai sarung tangan putih, sambil mengemas bilik tamu.

[15] Seterusnya, rakaman litar tertutup menggambarkan perkara-perkara berikut:

(a) pada lebih kurang jam 10 pagi, tertuduh dilihat membawa kain kuning yang kemudiannya dikenal pasti sebagai sauna mudah-alih ke bahagian dapur rumah;

(b) pada lebih kurang 11.25 pagi, tertuduh menggerakkan sebuah kenderaan trak pikap pacuan empat roda Toyota Hilux dengan nombor pendaftaran BLU 6698 ke dalam perkarangan rumah;

(c) pada lebih kurang pukul 4.09 petang, Lee Guan Peng (SP9) dan Ang Joo Keong (SP10) tiba ke rumah tempat kejadian. Tidak lama kemudian menyusuli pula dua lelaki lain. Dua lelaki yang tidak dikenali ini dapat dilihat membantu tertuduh mengheret suatu bungkusan kuning dari dapur hingga ke bahagian depan rumah. Bungkusan kuning tersebut dibalut sekali lagi dengan kain gelap, sebelum ianya diangkat ke atas bahagian belakang kenderaan Hilux menggunakan tangga logam.

[16] SP9 adalah seorang pemilik restoran. Dia menyewa premis kedainya dari SP10. SP10 pula adalah saudara kepada Yap Kim Seong. Sewaktu perbicaraan, mereka berdua memberi keterangan bahawa mereka diminta membantu mengangkat sesuatu barang yang dibungkus beg kuning dari dapur tetapi mereka enggan. Mengikut SP9, ini adalah kerana sesuatu yang diberitahu kepadanya oleh tertuduh. SP10 pula berkata beliau merasakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena, dan kerana ini enggan mengangkat bungkusan besar tersebut.

[17] SP9 dan SP10 juga memberi keterangan di waktu perbicaraan bahawa tertuduh dan dua orang lelaki yang tidak dikenali itu telah mengheret bungkusan kuning tersebut dari dapur ke ruang hadapan rumah, dan mengangkatkannya ke atas Hilux, konsisten dengan keterangan dari rakaman litar tertutup.

[18] Sewaktu perbicaraan, keterangan diterima daripada seorang perempuan bernama Yap Lay Hoon (SP17). Beliau adalah adik kepada Yap Kim Seong, yang pada masa yang material menghuni rumah No 5 Jalan Pelaga. SP17 tinggal di alamat No 17 Jalan Pelaga, tidak jauh dari rumah tempat kejadian. Beliau memberi keterangan bahawa rumah No 5 adalah milik bapa beliau, yang telah pun meninggal dunia.

[19] Pada lebih kurang pukul 10 pagi pada hari kejadian, SP17 mendapat panggilan telefon daripada pembantu rumahnya (bernama Nora). Nora memberitahunya bahawa kawannya yang bekerja di rumah No 3 Jalan Pelaga telah mendengar bunyi yang kuat seperti letupan atau mercun. Hasil daripada perbualan ini, SP17 menyemak aplikasi pada telefon bimbit beliau yang membolehkannya menonton dan mengimbas kembali rakaman video litar tertutup yang dipasang di rumah No 5 Jalan Pelaga. SP17 telah mendapati dari semakan tersebut bahawa suatu insiden tembakan telah berlaku. Seterusnya, pada lebih kurang pukul 10 malam pada 21 Ogos 2016 (iaitu dua hari kemudian), SP17 telah membuat suatu laporan polis. Laporan ini diterima masuk sebagai eks. P95. Susulan dari laporan ini, pihak polis telah melancarkan siasatan.

[20] ASP Mohamad Hafiza bin Mohamad Razali (SP7) telah mengetuai pasukan serbuan untuk membuat tangkapan dalam kes ini. Beliau memberi keterangan bahawa pasukan tersebut telah sampai ke tempat kejadian di

A waktu petang pada 21 Ogos 2016 dan membuat penangkapan ke atas empat orang individu yang berada di tempat kejadian, termasuk Yap Kim Seong dan seorang bernama Lim Kee Keong (SP11).

[21] Hasil penyiasatan forensik pihak polis di tempat kejadian, polis telah menjumpai serpihan-serpihan logam yang dipercayai anak peluru di bilik di
B mana kejadian tembakan berlaku. Di antara logam yang ditemui adalah ekshibit yang ditandakan sebagai P18(1), yang dijumpai pada dinding bilik tersebut.

[22] Lim Kee Keong memberitahu pihak polis bahawa Yap Kim Seong telah mengarahkannya untuk mengalihkan kenderaan Hilux bernombor BLU
C 6698. Dengan maklumat yang dibekalkan oleh Lim Kee Keong, kenderaan Hilux tersebut berjaya ditemui di Jalan Serai Wangi, berdekatan dengan rumah tempat kejadian.

[23] Mayat mangsa ditemui di bawah timbunan barangan pada bahagian
D belakang kenderaan tersebut. Mayat tersebut dibungkus dengan kain tebal berzip berwarna kuning (yang kemudiannya dikenal pasti sewaktu perbicaraan sebagai sauna mudah-alih), dibalut dengan kain langsir berwarna coklat dan diikat tali nilon dan dawai. Di dalam bungkusan tersebut, mayat mangsa dibungkus lagi dengan plastik hitam, selimut biru dan kain kuning
E bercorak petak. Oleh kerana mayat di jumpai di dalam bungkusan berwarna kuning, maka inferens yang boleh dibuat di sini adalah bahawa bungkusan kuning yang diheret pada pagi hari kejadian adalah bungkusan yang sama yang dijumpai pada bahagian belakang kenderaan Hilux tersebut.

[24] Keterangan juga diterima dari pegawai forensik yang melakukan
F pemeriksaan ke atas kenderaan Hilux tersebut. Di bahagian belakang kenderaan, pihak polis telah menemui sebuah beg biru. Kandungan beg tersebut termasuklah lima kelongsong peluru jenis Luger 9mm yang ditandakan sebagai eks. 36 hingga 40.

[25] Tertuduh telah menyerah diri di balai polis Dengkil pada 23 Ogos
G 2016. Pada hari yang sama, spesimen air kencing diambil daripada tertuduh bagi tujuan ujian dadah. Berikut adalah keputusan ujian dadah yang telah dijalankan pada hari yang berikutnya:

(a) ujian saringan air kencing adalah positif bagi dadah jenis amfetamin; dan

H (b) namun demikian, ujian *gas chromatographymassspectrometry* pula menunjukkan tiada kesan dadah jenis amfetamin di dalam sampel air kencing tertuduh.

[26] Keterangan telah diterima dari saksi pegawai sains kimia hayat (SP22) bahawa ini tidak semestinya bermakna bahawa tiada dadah di dalam sistem
I tertuduh pada masa yang material, tetapi bahawa ia berada di bawah tahap tertentu. Saksi ini juga mengatakan bahawa dadah jenis amfetamin mampu

bertahan di antara 48 hingga 72 jam di dalam tubuh badan seseorang. Di dalam kes ini, sampel telah dipungut lebih kurang lima hari selepas tertuduh disyaki menghisap dadah.

[27] Sewaktu perbicaraan, peguam bela telah membuat permohonan supaya tertuduh ditahan untuk pemerhatian di hospital psikiatri menurut s. 342 Kanun Tatacara Jenayah. Saya membenarkan permohonan tersebut. Laporan perubatan bertarikh 2 Februari 2018 yang dikeluarkan oleh pakar psikiatri Hospital Bahagia berpendapat bahawa tertuduh tidak menghidap penyakit mental, bahawa keadaan mental beliau stabil dan beliau layak dibicarakan dan mampu membela diri.

Analisis Kes Pendakwaan

Elemen-elemen Kesalahan

[28] Dalam sesuatu kes yang melibatkan pembunuhan, pihak pendakwa perlu membuktikan setiap satu elemen kesalahan seperti berikut:

(a) bahawa kematian seseorang telah berlaku;

(b) bahawa kematian tersebut disebabkan oleh, atau merupakan akibat daripada, perbuatan tertuduh;

(c) bahawa perbuatan tersebut telah dilakukan dengan niat seperti yang dihuraikan di dalam s. 300 Kanun Keseksaan[3].

[29] Setiap satu elemen kesalahan perlu dibuktikan tanpa apa-apa keraguan yang munasabah.

Identiti Mangsa

[30] Di dalam kes ini, identiti mangsa telah ditentukan oleh pegawai penyiasat, ASP Lee Chen Shim, melalui kad pengenalan mangsa, dan juga oleh ahli keluarga mangsa yang tampil memberi keterangan. Bapa mangsa, Wong Min Kim (SP4), dan kakak mangsa, Wong Fong Kiwe (SP5) telah memberi keterangan bahawa mangsa adalah Wong Fong Sing.

[31] Oleh yang demikian, tiada apa-apa keraguan bahawa mangsa yang telah meninggal dunia adalah orang yang dinyatakan di dalam pertuduhan.

Penglibatan Tertuduh

[32] Elemen kedua pula disokong oleh keterangan pakar patologi forensik, Dr Mohd Swarhib (SP24). Dalam laporan pemeriksaan post-mortem beliau[4], Dr Mohd Swarhib berpendapat bahawa punca kematian adalah, dalam bahasa asal:

> Gunshot wounds to the chest

[33] Menurut keterangan beliau, mangsa mengalami dua tembakan di bahagian dada yang telah mengakibatkan kematian. Satu daripada tembakan tersebut telah menembusi jantung mangsa. Laporan pemeriksaan post-mortem telah menyatakan bahawa mangsa telah mengalami kecederaan

tembakan di enam tempat. Namun, enam tempat kecederaan ini telah diakibatkan oleh lima tembakan, kerana satu daripada tembakan-tembakan tersebut telah menembusi lengan kanan mangsa dan masuk semula ke dalam badan mangsa di bahagian ketiak beliau, sebelum menembusi jantungnya.

[34] Keterangan televisyen litar tertutup pula jelas menunjukkan bahawa tembakan-tembakan yang mengakibatkan kematian mangsa telah dilepaskan oleh tertuduh. Sewaktu perbicaraan, keterangan diterima daripada SP11 bahawa pada 21 Ogos 2016 (iaitu dua hari selepas kejadian tembakan), beliau telah pergi ke rumah kejadian dan menanggalkan kamera-kamera litar tertutup atas arahan Yap Kim Seong.

[35] Beliau dibantu dalam hal ini oleh seorang bernama Chia Chin Chye (SP13). Chia memberi keterangan bahawa beliau dan SP11 disuruh oleh Yap untuk menanggalkan peralatan televisyen litar tertutup. Beliau telah menanggalkan kamera dan juga alat-alat perakam sistem litar tertutup tersebut. Semua ini kemudian disorok di dalam sebuah bilik di rumah kejadian.

[36] Alat-alat perakam tersebut telah dijumpai oleh pihak polis. Sewaktu perbicaraan, pihak Pendakwa Raya memanggil ASP Mohd Hanizan bin Md Wasli (SP14), yang bertugas di unit siasatan audio dan video di makmal forensik PDRM. Beliau telah ditugaskan untuk menganalisis dua peranti rakaman litar tertutup yang telah dijumpai di rumah kejadian.

[37] SP14 telah memberi keterangan bahawa data yang terkandung di dalam kedua alat tersebut telah disalin menggunakan "pen drive" dan kemudiannya dipindahkan ke dalam cakera-cakera DVD. SP14 juga telah menyediakan dua laporan pemeriksaan berkenaan kedua-dua alat rakaman video tersebut. Laporan-laporan tersebut mengandungi gambar-gambar yang dicetak daripada kandungan cakera-cakera DVD yang disediakan.

[38] Pihak Pendakwa Raya telah memohon untuk cakera-cakera DVD serta laporan-laporan tersebut ditandakan sebagai ekshibit. Saya berpendapat bahawa kandungan cakera-cakera DVD merupakan keterangan sekunder dan oleh yang demikian tidak boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan melainkan jika peruntukan s. 65 Akta Keterangan 1950 dipenuhi. Begitu juga dengan gambar-gambar yang terkandung di dalam laporan-laporan yang disediakan oleh SP14. Oleh yang demikian, mahkamah hanya membenarkan barang-barang kes tersebut ditandakan sebagai ekshibit bagi tujuan terhad, iaitu untuk menunjukkan bahawa barang tersebut adalah barang yang telah disediakan oleh SP14, tetapi bukan untuk tujuan untuk membuktikan bahawa tertuduh telah melakukan perbuatan yang telah mengakibatkan kematian mangsa.

[39] Isi kandungan cakera DVD adalah keterangan sekunder kerana ia disalin daripada alat perakam yang dijumpai di tempat kejadian. Begitu juga gambar-gambar yang terkandung dalam laporan-laporan SP14, yang telah

dicetak daripada kandungan cakera DVD berkenaan. Manakala isi kandungan alat-alat perakam tersebut merupakan keterangan primer, menurut s. 62 Akta Keterangan 1950, dibaca bersama huraian tiga dalam peruntukan tersebut.

[40] Oleh yang demikian, mahkamah telah mengarahkan supaya alat-alat perakam litar tertutup tersebut disambung kepada projektor di dalam mahkamah terbuka supaya keterangan mengenai kandungannya dapat diterima oleh mahkamah. Sesalinan kandungan kedua-dua alat perakam juga telah diarahkan untuk diserahkan kepada pihak pembelaan, supaya penelitian dapat dijalankan ke atas keseluruhan kandungan rakaman, dan bukan sahaja bahagian-bahagian yang difikirkan material oleh pihak pendakwa.

[41] Pada pendapat saya, tiada apa-apa keperluan timbul bagi pihak Pendakwa Raya mengemukakan apa-apa perakuan menurut s. 90A(4) Akta Keterangan 1950. Mengikut Mahkamah Rayuan dalam kes *Mohd Khayry Ismail v. PP*[5], keterangan rakaman video litar tertutup boleh diterima atas prinsip *res gestae*, tanpa perakuan s. 90A(4). Oleh yang demikian, walaupun alat-alat rakaman berkenaan boleh disifatkan sebagai komputer dalam takrifan Akta Keterangan 1950, s. 90A tidak mengehadkan penerimaan keterangan rakaman video digital hanya jika suatu perakuan di bawah s. 90A(4) dikemukakan.

[42] Setelah keterangan mengenai kandungan alat-alat perakam litar tertutup tersebut diterima oleh mahkamah, maka jelaslah bahawa tembakan-tembakan yang membawa kepada kematian mangsa telah dilepaskan oleh tertuduh.

[43] Tertuduh telah menyerah diri di balai polis Dengkil pada 23 Ogos 2016. Pegawai penyiasat kes ini, ASP Lee (SP28), telah memberi keterangan bahawa pada pukul 8 pagi pada hari yang sama, SP28 telah pergi bersama tertuduh ke rumah kejadian. Di sana, tertuduh telah menunjukkan di mana beliau telah menyembunyikan sepucuk pistol Smith & Wesson berkaliber 9mm. Turut dijumpai adalah tiga kelopak pistol dan sejumlah 34 butir peluru. Ujian "serviceability" telah dijalankan oleh Inspektor Mohd Riyadh Ssolihin (SP12) ke atas pistol tersebut, menggunakan dua butir peluru yang dijumpai di tempat kejadian. Ujian ini mendapati bahawa pistol yang dijumpai boleh berfungsi dengan baik.

[44] SP12 juga telah menjalankan pemeriksaan balistik ke atas lima butir kelongsong yang dijumpai di dalam beg biru di dalam kenderaan Hilux, dan juga ke atas satu anak peluru dan empat serpihan anak peluru yang dijumpai di tempat kejadian. Kelima-lima kelongsong tersebut didapati mempunyai ciri-ciri individu yang bersamaan dengan dua kelongsong yang telah diuji tembak dalam ujian "serviceability". Kelongsong-kelongsong ini adalah barang yang telah ditandakan sebagai eks. 36 hingga 40 yang telah ditemui di dalam beg biru di dalam kenderaan Hilux BLU 6698. Anak peluru yang dijumpai di tempat kejadian juga mempunyai ciri-ciri individu yang

bersamaan dengan anak peluru yang diuji tembak. Anak peluru ini adalah logam yang ditandakan sebagai eks. P18(1), yang telah dijumpai pada dinding tempat kejadian oleh Superintenden Zuraimi bin Zam Zam (SP21). Empat serpihan peluru tidak dapat diuji kerana keadaannya yang terlalu rosak.[6]

[45] Dari penemuan laporan balistik ini, dapat dirumuskan bahawa:

(a) anak peluru yang ditandakan sebagai eks. P18(1) dan yang telah dijumpai di tempat kejadian telah ditembak menggunakan pistol Smith & Wesson yang dijumpai dengan maklumat yang telah diberikan oleh tertuduh; dan

(b) lima butir kelongsong peluru yang telah dijumpai di kenderaan Hilux tersebut telah ditembak menggunakan pistol yang sama.

[46] Oleh yang demikian, pistol yang dijumpai dengan maklumat yang diberikan oleh tertuduh dapat dikaitkan dengan insiden tembakan pada 19 Ogos 2016 di rumah No 5 Jalan Pelaga.

[47] Berpandukan kesemua faktor di atas, mahkamah telah berpendapat bahawa elemen kedua kesalahan telah dibuktikan, iaitu bahawa kematian mangsa disebabkan oleh, atau merupakan akibat daripada, perbuatan tertuduh.

Niat Membunuh: Undang-undang Yang Terpakai

[48] Seksyen 300 Kanun Keseksaan memperuntukkan keadaan mental yang boleh menyabitkan seseorang tertuduh dalam kes bunuh:

> Section 300. Murder.
>
> Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder:
>
> (a) if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death;
>
> (b) if it is done with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused;
>
> (c) if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or
>
> (d) if the person committing the act knows that it is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death, and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.

[49] Dalam kes *Tham Kai Yau & Ors v. PP*[7], Raja Azlan HMA telah menghuraikan s. 300 seperti berikut:

> Whether the offence is culpable homicide or murder depends upon the degree of risk to human life. If death is a likely result, it is culpable homicide; if it is the most probable result, it is murder.

> Illustration (d) of section 300, Penal Code is a case of this description. Where the offender knows that the particular person injured is likely, either from peculiarity of constitution, immature age, or other special circumstances, to be killed by an injury which would not ordinarily cause death, it is murder.

[50] Niat seseorang sukar dipastikan, melainkan jika beliau telah mengaku salah dan dengan sendirinya memberi keterangan berkenaan keadaan mentalnya pada masa yang material. Oleh yang demikian, lazimnya niat seseorang perlu ditentukan dengan membuat inferens daripada fakta-fakta objektif kes.

[51] Di dalam kes *PP v. Abdul Rahman Dalek*[8], Jeffrey Tan H telah menghuraikan faktor-faktor yang boleh diambil kira dalam membuat sesuatu inferens mengenai niat seseorang untuk membunuh:

> [I]t is difficult if not impossible to procure direct evidence to prove the intention of an individual (*Lee Fah Sang v. Public Prosecutor* [1967] 2 MLJ 163; *Lim Heng Soon & Anor v. Public Prosecutor* [1970] 1 MLJ 166; *Lai Kim Hon &Ors v. Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84; *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v. Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; *Khoo Hi Chiang v. Public Prosecutor* [1994] 1 MLJ 265). Hence 'intention is a matter of inference' (*Tham Kai Yau&Ors v. Public Prosecutor* at p 176, per Raja Azlan Shah FJ (as HRH then was)). Intention can be inferred from the act or conduct or other relevant circumstances of the case (*Juraimi bin Husin v. PP* [1998] 1 MLJ 537). Intention to kill can be inferred from the nature of the injuries sustained by the deceased (*Sainal Abidin bin Mading v. Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497.
>
> [53] In relation to intention under the first clause of s 300, *Ratanlal & Dhirajlal*, at pp 1296-1297 commented as follows:
>
> > The first clause of s 300 enacts that culpable homicide is murder if the act by which death is caused is done with the intention of causing death … An intention to kill a person brings the matter so clearly within the general principle of *mens rea* as to cause no difficulty. Such intention, however, must be found as a matter of fact. It is distinct from presumed or constructive intention. The accused also cannot be held guilty from the knowledge of the consequences of the act.
> >
> > At the same time, however, it is equally true that intention is a subjective element and in most of the cases direct proof of intention is not forthcoming. It has rightly been said that 'the Devil himself knows not the thought of man'. A man's intention is a question of fact and it can be gathered from his acts. In deciding the intention of the accused, the court may consider the nature of the weapon used, the part of the body of the victim chosen by the accused for attack, the number of blows administered, the force used by the assailant, etc.

A [54] In *Virsa Singh v. State of Punjab* AIR 1958 SC 465, the Supreme Court stated:

> In considering whether the intention was to inflict the injury found to have been inflicted, the enquiry necessarily proceeds on broad lines as, for example, whether there was an intention to strike on
B a vital or a dangerous spot, and whether with sufficient force to cause the kind of injury found to have been inflicted. It is of course, not necessary to enquire into every last detail as, for instance, whether the prisoner intended to have the bowels fall out, or whether he intended to penetrate the liver or the kidneys or the heart. Otherwise, a man who has no knowledge of anatomy
C could never be convicted, for if he does not know that there is a heart or a kidney of bowels, he cannot be said to have intended to injure them. Of course that is not simple and based on common sense; the kind of inquiry that 'twelve good men and true' could readily appreciate and understand.
>
D …
>
> To determine what the intention of the offender is, each case must be decided on its own merits. Where it is proved that the accused fired a gun shot at such close range that it could not have had other than a fatal effect and it is indicative of the intention of the accused that after firing at one person he reloaded the gun and fired another shot at another
E person there is clear indication of his intention to commit murder. Where a person fires two shots successively at another person his murderous intention is clearly evident. The law looks as regards intention to the natural result of the man's act and not to the condition of his mind. From a legal point of view a person intends whatever he gives others reasonable grounds for supposing that he does intend. Where a man strikes lathi
F blows on the head of the deceased mercilessly and practically kills him on the spot, he is guilty of murder. Where a man stabs another in a vital part, he must be held to have intended to cause death, and if death ensures either directly from the wound or in consequence of the wound creating conditions which give occasion to the appearance of a fatal disease, the
G person inflicting the wound is guilty of murder. Absence of premeditation will not reduce the crime of murder to culpable homicide not amounting to murder …

[52] Sewaktu pengendalian kes pendakwaan, peguam bela bijaksana, En Kitson Foong, telah memberitahu mahkamah dan pihak Pendakwa Raya
H bahawa pihak pembelaan akan bergantung kepada pengataan bahawa tertuduh berada di bawah pengaruh dadah sewaktu penembakan berlaku. Peguam bela bijaksana juga telah memeriksa balas saksi-saksi pendakwaan bagi tujuan ini. Umpamanya, ahli kimia (SP20) telah mengesahkan bahawa DNA tertuduh telah dijumpai pada peralatan kaca yang dikatakan telah
I digunakan untuk menghisap dadah. Peguam bela juga telah menganalisis isi kandungan alat-alat perakam litar tertutup dan mengemukakan keterangan melalui penganalisis video forensik ASP Mohd Hanizan (SP14) bahawa tertuduh dapat dilihat melalui rakaman video menggunakan alat kaca yang dikatakan alat menghisap dadah tersebut.

[53] Soalan seterusnya adalah sama ada kewarasan tertuduh dan pembelaan bahawa tertuduh berada di bawah pengaruh dadah adalah isu-isu yang perlu dianalisis dan ditentukan pada akhir kes pendakwaan, ataupun haruskah mahkamah menentukan isu ini hanya selepas berakhirnya kes pembelaan? Panduan dalam hal ini terdapat dalam kes *Kenneth Fook Mun Lee v. PP*[9], di mana Mahkamah Persekutuan berpendapat:

> It is indeed not the function of a trial court before the conclusion of a trial to consider the probable defence, let alone to speculate (more so in this case when it was not raised during the case for the prosecution and indeed the learned trial judge called for the defence on murder), for to do so would not be in consonant with the relevant provisions as set out in the Criminal Procedure Code ('CPC').
>
> [6] But that is not to say that the learned trial judge was not entitled at the end of the whole case to consider the probable defence as could be elicited from the overall evidence adduced. Indeed he is and should do so in law. (See: *Chan Chor Shuh v. Public Prosecutor* [2003] 1 CLJ 501; *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311) and in an appropriate case a finding on intoxication may be made at the close of the case for the prosecution especially where s. 86(2) of the Code is relevant. That section requires intoxication to be taken into account for the purpose of determining the existence of intention. Hence in such a case an appropriate ruling could be made at the close of the case for the prosecution.

[54] Kes ini jelas mengatakan bahawa mahkamah seharusnya mengambil kira, menganalisis dan membuat penentuan mengenai isu mabuk di akhir kes pendakwaan, jika keterangan mengenai kemabukan tersebut telah dikemukakan di waktu kes pendakwaan lagi.

[55] Peruntukan yang perlu diambil kira di mana isu mabuk, kewarasan atau pengaruh dadah dibangkitkan adalah ss. 84 hingga 86 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan seperti berikut:

> Act of a person of unsound mind
>
> 84. Nothing is an offence which is done by a person who, at the time of doing it, by reason of unsoundness of mind, is incapable of knowing the nature of the act, or that he is doing what is either wrong or contrary to law.
>
> Intoxication when a defence
>
> 85. (1) Save as provided in this section and in section 86, intoxication shall not constitute a defence to any criminal charge.
>
> (2) Intoxication shall be a defence to any criminal charge if by reason thereof the person charged at the time of the act or omission complained of did not know that such act or omission was wrong or did not know what he was doing and:
>
> (a) the state of intoxication was caused without his consent by the malicious or negligent act of another person; or

A (b) the person charged was by reason of intoxication insane, temporarily or otherwise, at the time of such act or omission.

Effect of defence of intoxication when established

86. (1) Where the defence under subsection 85(2) is established, then in a case falling under paragraph (a) thereof the accused person shall be
B acquitted, and in a case falling under paragraph (b), section 84 of this Code, sections 347 and 348 of the Criminal Procedure Code [Act 593] shall apply.

(2) Intoxication shall be taken into account for the purpose of determining whether the person charged had formed any intention, specific or
C otherwise, in the absence of which he would not be guilty of the offence.

(3) For the purpose of this and the preceding section "intoxication" shall be deemed to include a state produced by narcotics or drugs.

[56] Kes *Abdul Aziz Mohamed Shariff v. PP*[10] merupakan suatu kes di mana walaupun terdapat keterangan untuk menyokong pengataan bahawa tertuduh
D di dalam kes itu mabuk sewaktu kejadian bunuh berlaku, namun ini tidak semestinya bermakna tertuduh tidak mampu untuk membentukkan niat untuk sabit kesalahan. Pembelaan mabuk hanya mampu melepaskan seseorang tertuduh sekiranya beliau tidak tahu bahawa apa yang dilakukannya adalah salah, atau beliau tidak tahu apa yang telah beliau
E lakukan, menurut s. 85(2) Kanun Keseksaan. Di dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan mengatakan seperti berikut:

> Even if the appellant had consumed a large quantity of alcohol before committing the crime he may not be intoxicated to the extent that his intention to commit the crime had diminished. The effect of alcohol varies
> F substantially with different people. This was observed by Chao Hick Tin JC (as he then was) in the Singapore case of *PP v. Ramasamy Sebastian* [1991] 1 MLJ 75 @ 8 where he said that even "blood alcohol level itself can never be conclusive to determine the degree of intoxication of the accused. Different people react differently to the same blood alcohol level. It makes a great difference whether the person is or is not an experienced
> G drinker". To prove intoxication, it is encumbered upon the defence to adduce sufficient evidence to convince the court that this had rendered the accused incapable of forming the necessary intention or knowledge to commit the crime charged, or that "he was by reason of intoxication insane, temporarily or otherwise, at the time when he committed the crime".

H

[57] Walaupun seseorang tertuduh berkemungkinan telah menghisap dadah, namun ini dengan sendirinya tidak semestinya memadai untuk melepaskannya dari sabit kesalahan. Hanya jika pengaruh dadah itu menyebabkan tertuduh tersebut tidak mampu membentukkan niat
I membunuh maka barulah boleh dikatakan bahawa elemen *mens rea* kesalahan gagal dibuktikan.

Isu Automatisme

[58] Berpaling pula kepada isu automatisme yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan di akhir kes pendakwaan. Perenggan-perenggan yang berikut menghuraikan prinsip-prinsip undang-undang yang terpakai.

[59] Automatisme boleh dibahagikan kepada dua jenis: automatisme tidak siuman ("*insaneautomatism*") dan automatisme siuman ("*non-insaneautomatism*"). Perbezaan di antara dua kategori ini penting kerana ia mempunyai kesan terhadap beban pembuktian dan juga terhadap hukuman yang boleh dijatuhkan. Mengikut *the New Shorter Oxford English Dictionary*[11], automatisme ditakrifkan sebagai:

> an action that is, unusually, performed subconsciously or unconsciously; the mental state accompanying such an action.

[60] Mengikut takrifan lazim, automatisme adalah keadaan mental di mana perbuatan dilakukan tanpa apa-apa kesedaran. Di sisi undang-undang pula, panduan mengenai skop automatisme dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Abdul Razak Dalek v. PP*[12]:

> Automatism refers to a state of defective consciousness in which a person performs unwilled acts. It may be caused by concussion, sleep disorders, acute stress, epilepsy and other elements like hypoglycaemia. The House of Lords has held that there is in law two types of automatism, namely, insane and non-insane automatism. Insane automatism is where the primary cause of the abnormality is internal to the accused and prone to recur. The condition will be classified as a disease of the mind. It will then fall within the *McNaghten* rules. Non-insane automatism occurs where the abnormality is caused by a factor external to the accused like, for example, a blow to the head, medication, alcohol or drug. The distinction is important as it will determine the onus of proof. Where the condition is a disease of the mind, it will fall within the *McNaghten* rules which is reflected in s. 84 of the Penal Code. This section, read with s. 105 of the Evidence Act 1950, will place the onus on the accused to establish the defence. If the condition does not produce a disease of the mind, such as in the instant appeal the onus will be upon the prosecution to exclude the alleged incapacity (see *Public Prosecutor v. Kenneth Fook Mun Lee (No 1)* [2002] 2 MLJ 563, *Bratty v. Attorney-General for Northern Ireland* (1981) 46 Cr App R 1, *R v. Hennessy* [1989] 2 All ER 9, *Regina v. Quick*; *Regina v. Paddison* [1973] QB 910, *R v. Burgess* (1991) 93 Cr App R 41, *Police v. Bannin* [1991] 2 NZLR 237). Automatism had also been defined to mean an act which is done by the muscles without any control by the mind such as a spasm, a reflect action or a convulsion, or whilst sleep walking (see *Bratty v. Attorney-General for Northern Ireland* (1981) 46 Cr App R 1, per Lord Denning at). Automatism was also explained simply 'as an action without any knowledge of acting, or without any consciousness of what is being done (see the judgment of the Court of Appeal in New Zealand in *The Queen v. Cottle* [1958] NZLR 999 p. 16 at p 1020). In *Police v. Bannin*, Fisher J said:

> > The question is whether the accused has retained sufficient mental capacity to reach the threshold required for the particular crime with which he is charged. That threshold will vary from one type

A

> of crime to another. It will be affected by the reasons for which a particular class of conduct was proscribed by the law, the implied statutory intention as to the level at which citizens should be held responsible for their conduct, and the way in which the law has defined the crime. In short, the focus should lie upon the elements of the charge.

B

[61] Dapat dilihat dari petikan di atas bahawa ada dua ciri automatisme: pertama adalah kehilangan kawalan – seperti kekejangan atau tindakan refleks. Oleh yang demikian, tindakan refleks apabila membersin, umpamanya, adalah suatu aksi automatisme, di mana seseorang mempunyai kesedaran yang penuh pada setiap masa, namun tidak berupaya mempunyai apa-apa kawalan ke atas tindakan refleks apabila bersin. Ciri kedua adalah kehilangan kesedaran – seperti apabila tidur berjalan, di mana seseorang tidak sedar diri apabila membuat sesuatu. Kehilangan kawalan atau kehilangan kesedaran masing-masing mampu menyokong suatu dapatan bahawa seseorang tertuduh mengalami automatisme pada masa yang material, mengikut penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes *Abdul Razak Dalek v. PP*.

C

D

[62] Bandingkan kes tersebut dengan kes *Sinnasamy v. PP*[13], yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan terdahulu, Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1955. Di dalam kes ini, lelaki tertuduh disabit kesalahan membunuh anak kecilnya. Keterangan diterima oleh mahkamah bahawa tertuduh telah menghidap sawan atau epilepsi. Pembelaan automatisme ditolak oleh mahkamah perbicaraan dan oleh Mahkamah Rayuan, kerana keterangan doktor yang menerangkan:

E

F

> As regards the first main ground of appeal, and the objection to the passage in the judgment which is connected with it, we are of the opinion that the learned trial judge was right in his conclusion. The doctor, while accepting that the appellant was an epileptic and that automatism is associated with some cases of epilepsy, stated unequivocally **that a person acting under a state of automatism will not be conscious at the time.** (penekanan ditambah)

G

[63] Pada pendapat saya, kes ini bukanlah merupakan autoriti untuk prinsip bahawa automatisme hanya boleh timbul di mana seseorang tertuduh tidak sedarkan diri. Seperti yang dilihat dari kes *Abdul Razak Dalek v. PP*, seseorang yang sedar tetapi hilang kawalan akibat faktor luaran mungkin juga bertindak di bawah automatisme.

H

[64] Ulasan yang kedua mengenai kes ini adalah pengetahuan perubatan dan kedoktoran sentiasa maju dengan peredaran masa, dan sesuatu penentuan mengenai automatisme hendaklah mengambil kira pengetahuan terkini mengenai subjek tersebut.

I

[65] Di dalam kes *Chan Kwee Fong v. PP*[14], Mahkamah Rayuan telah berpendapat seperti berikut:

> [91] Involuntary intoxication under s. 85(2)(a) of the Penal Code and intoxication negating intention under s. 86(2) of the Penal Code operate as a defence to any criminal charge.
>
> [92] Now, the defence of intoxication requires the accused to prove that the intoxication was caused without his consent by the malicious or negligent conduct of a third party. And the intoxication too must have been sufficiently severe to cause the accused not to know that the alleged criminal conduct 'was wrong or did not know what he was doing'.
>
> [93] Clauses (a) and (b) of s. 85(2) of the Penal Code share the same requirement and that would be that the intoxicated condition must have caused the accused not to know that the conduct was wrong or what he was doing. It is to be noted that the concept of 'insanity' appearing in s. 85(2)(b) of the Penal Code is identical to 'unsoundness of mind' under s 84 of the Penal Code.
>
> [94] We must categorically say that where the accused formed the intention required for an offence prior to becoming intoxicated, s. 86(2) of the Penal Code cannot be invoked. And that while intoxication may have negated the requisite intention when the crime was committed, the defence under s. 86(2) of the Penal Code would be denied to the accused who had the intention prior to that time.

[66] Dua isu penting timbul dari petikan ini: pertamanya, berkenaan ayat di perenggan [93] yang menyamakan konsep ketidaksiumanan (atau "insanity", dalam bahasa asal) di s. 85(2)(b) dan ketidakwarasan akal (atau "unsoundness of mind") di s. 84. Memang terdapat kepadanan dalam kedua konsep tersebut, oleh kerana seseorang yang berjaya membangkitkan pembelaan di bawah s. 85(2)(b) akan dihukum sama seperti seseorang yang menghidapi kegilaan di bawah s. 84. Ini adalah kerana pemakaian s. 86(1).

[67] Namun, ketidaksiumanan yang dimaksudkan di bawah s. 85(2)(b) bukanlah ketidaksiumanan di bawah prinsip *R v. M'Naghten*[15]. Ini adalah kerana konsep automatisme siuman juga tergolong dalam s. 85(2)(b), dalam kes di mana automatisme tersebut dicetuskan oleh pengambilan alkohol atau dadah. Walaupun kewarasan seseorang mungkin tergugat oleh automatisme, sama ada secara berkekalan atau sementara, namun ini tidak bermakna automatisme tersebut adalah automatisme tidak siuman. Penentuan ini hanya boleh dibuat berdasarkan sama ada automatisme tersebut diakibatkan oleh faktor luaran atau dalaman, menurut prinsip yang diturunkan oleh Mahkamah Rayuan dalam *Abdul Razak Dalek v. PP*.

[68] Isu yang kedua adalah prinsip yang terkandung di perenggan [94] penghakiman Mahkamah Rayuan di dalam kes *Chan Kwee Fong v. PP*. Di mana kemabukan yang mencetuskan automatisme disebabkan oleh tindakan tertuduh sendiri, tetapi tertuduh telah membentukkan niat atau *mens rea* kesalahan[16] sebelum meminum alkohol atau menggunakan dadah, maka

s. 85(2) atau 86 tidak akan terpakai untuk melepaskan tertuduh, walaupun pada masa pembunuhan tertuduh di dalam keadaan automatisme. Ini adalah akibat pemakaian s. 39 Kanun Keseksaan, yang mengatakan:

> Section 39. "Voluntarily".
>
> A person is said to cause an effect "voluntarily" when he causes it by means whereby he intended to cause it, or by means which, at time of employing those means, he knew or had reason to believe to be likely to cause it.

[69] Umpamanya, seseorang yang mengambil dadah atau alkohol untuk memberanikan diri untuk membunuh akan dianggap sebagai telah berniat untuk membunuh apabila beliau mengambil dadah atau alkohol tersebut. Niat awal ini sewaktu dadah atau alkohol tersebut diambil adalah memadai untuk membentuk *mens rea* perbuatan bunuh yang dilakukan selepas itu.

[70] Mengenai beban yang dikenakan ke atas seseorang tertuduh bagi membuktikan sesuatu pembelaan automatisme, ia bergantung kepada jenis automatisme yang dibangkitkan. Seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Abdul Razak Dalek v. PP*, s. 84 dibaca bersama dengan s. 105 Akta Keterangan 1950 akan meletakkan beban pembuktian automatisme tidak siuman ke atas tertuduh, atas imbangan kebarangkalian. Manakala dalam kes automatisme siuman pula – mengikut autoriti kes yang sama – beban pembuktian diletakkan ke atas pihak pendakwaan untuk menidakkan atau menyangkal pengataan automatisme siuman.

[71] Ini bermakna bahawa walaupun s. 85 merujuk kepada mabuk sebagai suatu "pembelaan"[17], ia tidak akan dianggap sebagai suatu pengecualian atau proviso bagi maksud s. 105 Akta Keterangan 1950, dan beban pembuktian masih dipikul oleh pihak pendakwaan. Secara lazim, beban pembuktian setiap satu inti pati kesalahan diletakkan ke atas pihak pendakwaan, termasuklah isu *mens rea* kesalahan. Adanya automatisme siuman akan menidakkan dapatan bahawa *mens rea* terbukti.

[72] Namun begitu, tertuduh haruslah mengemukakan keterangan bagi tujuan membentukkan asas pembelaan automatisme siuman. Hanya jika terdapat keterangan yang memadai bagi maksud membentukkan asas pembelaan tersebut, barulah beban pembuktian beralih kepada pihak pendakwaan untuk membuktikan kesnya atas dasar tanpa keraguan yang munasabah. Menurut *Smith & Hogan's Criminal Law*[18]:

> A proper foundation for a defence of sane automatism may be laid by introducing evidence from which it may reasonably be inferred that the act was involuntary. Whether such a foundation has been laid is a question of law. Lord Denning has said that D's own word will rarely be sufficient, unless it is supported by medical evidence.

[73] Petikan di atas telah dirujuk oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Hoo Ah Tee v. PP*[19]. Di dalam kes *Abdul Razak Dalek v. PP*[20], Mahkamah Persekutuan juga telah mengaplikasikan prinsip ini. Di perenggan

[27] penghakiman kes tersebut, mahkamah telah berkata:

> [27] In our view, before any burden is placed on the prosecution to disprove non-insane automatism, there must be some evidence to indicate that the appellant was or could have been suffering from such alleged incapacity. Based on the learned counsel's submission our understanding is that the external factor which was alleged to have caused the non-insane automatism which incapacitated the appellant was the concussion, which the learned counsel contended, was brought about by the act of the appellant before the incident hitting his head against the kitchen wall. However, there is no evidence of this. There was no cross-examination of PW8 and PW11 on this issue or any evidence adduced that may assist the court to make an inference that the appellant was hitting his head against the wall before the incident. PW8's and PW11's evidence on the appellant's disassociative behaviour was only after the incident. In the absence of such evidence, no legal burden can be imposed on the prosecution to exclude the alleged incapacity. Furthermore, the facts and the events that led to the death of the deceased do not support the appellant's contention that he was in a state of non-insane automatism, when he slit the throat of the deceased. Accordingly, this defence raised by the appellant must fail.

[74] Di dalam kes *Hoo Ah Tee v. PP* juga, Mahkamah Rayuan telah berpendapat bahawa automatisme tidak wujud sebagai pembelaan mutlak di bawah Kanun Keseksaan di Malaysia:

> [19] Section 84 of the Penal Code has everything to do with legal insanity and not medical insanity. Despite a number of cases in Malaysia where defence of automatism was placed and adumbrated by the courts we are of the considered view that automatism *per se* is not an absolute defence to murder within our jurisprudence save that it may assist to mitigate punishment if the defence is well nurtured.

[75] Pada pendapat mahkamah ini, petikan di atas hendaklah difahami dari segi bahawa sesuatu pengataan automatisme siuman tidaklah merupakan suatu pengecualian atau proviso dalam erti kata s. 105 Akta Keterangan 1950. Oleh itu, ia bukanlah sesuatu pembelaan *stricto sensu*, tetapi ia membangkitkan isu ketiadaan *mens rea*. Pendekatan ini disokong oleh keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kenneth Fook Mun Lee v. PP*[21], di mana Richard Malanjum HMA (pada ketika itu) telah merujuk kepada pembelaan automatisme di perenggan [45] penghakiman tanpa mengulas mengenai ketiadaan pembelaan tersebut di bawah undang-undang Malaysia. Mahkamah Rayuan sendiri, dalam kes *Norol Rojik Jun v. PP*[22] yang baru-baru ini diputuskan, telah merujuk kepada pembelaan automatisme tanpa membuat penentuan bahawa ia tidak wujud dalam perundangan tempatan.

[76] Prinsip-prinsip yang terpakai dapat dirumuskan seperti berikut:

(a) jika automatisme seseorang disebabkan oleh faktor dalaman, automatisme tersebut akan dikategorikan sebagai automatisme tidak siuman. Dalam hal ini, s. 84 terpakai, dan seseorang tertuduh akan didapati tidak bersalah atas sebab beliau tidak siuman. Mahkamah perlu

membuat penemuan sama ada *actus reus* kesalahan telah dibuktikan[23], dan s. 348 Kanun Tatacara Jenayah boleh diaplikasikan bagi tujuan menahan tertuduh, umpamanya di hospital psikiatri;

(b) beban pembuktian automatisme tidak siuman terletak pada pembelaan, atas imbangan kebarangkalian;

(c) jika automatisme disebabkan atau dirangsangkan oleh faktor luaran, seperti dadah atau alkohol, maka automatisme tersebut dikategorikan sebagai automatisme siuman;

(d) dalam kes automatisme siuman, beban pembuktian terletak pada pihak pendakwaan untuk membuktikan ketidakwujudan automatisme siuman tersebut. Ini adalah kerana suatu penemuan mengenai automatisme siuman akan menidakkan *mens rea* kesalahan, dan mengikut prinsip lazim, beban pembuktian setiap satu inti pati kesalahan diletakkan ke atas pihak pendakwaan. Namun begitu, pihak pembelaan mesti membuktikan keterangan asas bagi tujuan mewujudkan pembelaan automatisme. Pembelaan perlu mengemukakan keterangan pakar bagi tujuan memuaskan keperluan keterangan asas ini. Jika pembelaan berjaya berbuat demikian, maka beban pembuktian akan beralih ke atas pendakwaan untuk menyangkal pengataan tersebut;

(e) jika automatisme yang timbul telah disebabkan atau dirangsangkan oleh pengaruh dadah atau alkohol yang telah menyebabkan tertuduh tidak dapat menimbang bahawa apa yang dilakukan adalah salah atau menyebabkannya tidak sedar akan apa yang telah dilakukan olehnya, dan tertuduh mabuk alkohol atau dadah tanpa izin beliau sendiri oleh sebab niat jahat atau kelalaian pihak ketiga, maka tertuduh hendaklah dilepaskan;

(f) jika automatisme yang timbul telah disebabkan atau dirangsangkan oleh pengaruh dadah atau alkohol seperti di subperenggan (e), tetapi kemabukan beliau disebabkan oleh diri beliau sendiri, maka tertuduh akan dianggap seolah tidak siuman dan s. 84 Kanun Keseksaan dan ss. 347 dan 348 akan terpakai, seperti dihuraikan di subperenggan (a) di atas. Tertuduh akan didapati tidak bersalah kerana ketidakwarasan tetapi masih mungkin ditahan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh mahkamah; dan

(g) jika kemabukan yang mencetuskan automatisme disebabkan oleh tindakan tertuduh sendiri, tetapi tertuduh telah membentukkan niat atau *mens rea* kesalahan sebelum meminum alkohol atau menggunakan dadah, maka s. 85 tidak akan terpakai untuk melepaskan tertuduh, walaupun pada masa pembunuhan tertuduh di dalam keadaan automatisme. Ini adalah akibat pemakaian s. 39 Kanun Keseksaan.

Niat Membunuh: Aplikasi Undang-undang Terhadap Fakta Kes

[77] Pada pendapat saya, faktor-faktor berikut menunjukkan bahawa tertuduh dalam kes ini telah membentukkan niat untuk membunuh mangsa:

(a) tertuduh telah melepaskan tembakan bertubi-tubi terhadap mangsa. Lima das tembakan telah dilepaskan ke arah Wong, dan setiap satunya telah kena kepada sasaran. Daripada lima tembakan ini, dua merupakan tembakan yang telah mendatangkan maut kepada mangsa, menurut keterangan saksi patologi. Menurut penghakiman Supreme Court of India dalam kes *Virsa Singh v. State of Punjab* yang dipetik oleh Jeffrey Tan H di dalam kes *PP v. Abd Rahman Dalek* (lihat perenggan [51] *ante)*, dua tembakan berturut sudah memadai untuk mahkamah membuat suatu inferens bahawa seseorang tertuduh memegang niat untuk membunuh;

(b) tembakan pertama dan kedua yang disasarkan terhadap mangsa telah dilepaskan dari jarak yang amat dekat (dianggarkan di antara tiga hingga lima kaki sahaja), menggunakan pistol separa automatik berkaliber 9mm Parabellum. Lebih dekat jarak tembakan, maka lebih berkemungkinan bahawa tertuduh telah berniat untuk membunuh mangsa, lebih-lebih lagi apabila menggunakan senjata berkaliber besar dan/atau berdaya tinggi;

(c) selepas mangsa cuba melarikan diri, tertuduh masih melepaskan tembakan ke arahnya. Tembakan ketiga dilepaskan oleh tertuduh di tempat di mana beliau berdiri pada asalnya, dan tembakan keempat dan kelima dilepaskan sewaktu tertuduh mengejar mangsa; dan

(d) tembakan-tembakan yang dilepaskan oleh tertuduh kesemuanya disasarkan kepada bahagian badan mangsa, di mana letaknya organ penting dalam badan manusia.

[78] Mengambil kira faktor-faktor di atas, saya berpendapat bahawa mahkamah berhak membuat inferens bahawa tembakan-tembakan yang dilepaskan oleh tertuduh telah dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian, mengikut s. 300(a) Kanun Keseksaan.

[79] Mengenai isu mabuk dan pengataan bahawa tertuduh berada di bawah pengaruh dadah, jika dikaji rakaman litar tertutup sejurus selepas tertuduh telah melakukan perbuatan bunuh tersebut, akan didapati bahawa tertuduh telah berjalan kembali ke ruang tamu rumah tersebut. Rakaman video menunjukkan gerak-geri badan tertuduh seolah beliau resah dan gelisah. Tertuduh dapat dilihat beberapa kali menghumbankan kedua tangannya ke udara. Beliau juga telah menggelengkan kepalanya. Kesimpulan yang dapat dibuat daripada pemerhatian gerak-geri badan tertuduh adalah bahawa beliau faham apa yang telah dilakukannya dan akibat tindakan beliau. Gerak-geri tersebut konsisten dengan perlakuan seorang yang menyesal oleh kerana membuat sesuatu, ataupun setidak-tidaknya dengan perlakuan seorang yang sedar bahawa apa yang telah dilakukan mampu mendatangkan impak yang besar ke atas kehidupannya yang akan datang.

[80] Tambahan pula, tindakan tertuduh mengemas tempat kejadian, membungkus mayat dan memuatkannya ke atas kenderaan Hilux tidak konsisten dengan pengataan bahawa tertuduh tidak tahu apa yang telah dilakukan olehnya.

[81] Seksyen 85(2) Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa keadaan mabuk mampu membentuk suatu pembelaan terhadap apa-apa pertuduhan jenayah. Namun, seseorang tertuduh hanya mendapat perlindungan seksyen ini jika dia tidak tahu bahawa perbuatan atau peninggalan yang berkenaan adalah salah, atau jika beliau tidak tahu apa yang beliau lakukan. Dalam kes ini, reaksi tertuduh sejurus selepas insiden tembakan jelas menunjukkan bahawa beliau mempunyai kefahaman betapa seriusnya perbuatan beliau. Oleh yang demikian, walaupun terdapat keterangan yang diterima sewaktu kes pendakwaan bahawa:

(a) DNA tertuduh dijumpai di peralatan kaca yang dikatakan alat menghisap dadah; dan

(b) tertuduh dan Yap telah menghisap peralatan tersebut dalam tempoh beberapa hari sebelum insiden tembakan,

dan keterangan ini mampu menyokong cadangan dari pihak pembelaan bahawa tertuduh telah menggunakan dadah pada masa yang material, namun pengaruh dadah tersebut – pada pendapat saya – tidak menghalang tertuduh daripada membentukkan *mens rea* untuk membunuh. Pada pendapat saya, keterangan video menunjukkan bahawa tertuduh sedar pada ketika itu apa yang telah dilakukannya dan memahami akibat tindakannya.

[82] Seperti yang dikatakan di atas, pihak pembelaan telah membangkitkan isu automatisme pada akhir kes pembelaan. Mengikut En Kitson, peguam bela terpelajar, tertuduh pada masa yang material ada di dalam keadaan automatisme akibat pengambilan dadah.

[83] Pada pendapat saya, keterangan yang diterima sewaktu kes pendakwaan tidak memadai bagi memenuhi keperluan keterangan asas bagi membentukkan pembelaan automatisme. Seperti dihuraikan di perenggan [72] *ante*, bagi tujuan memenuhi kehendak keterangan asas ini, keterangan doktor atau saksi pakar perlulah dikemukakan. Oleh yang demikian, beban pembuktian tidak beralih kepada pihak pendakwaan untuk menyangkal pengataan bahawa tertuduh bertindak di dalam keadaan automatisme siuman.

[84] Keduanya, apabila pembelaan membangkitkan automatisme yang didorongkan mabuk dadah, pihak pembelaan mestilah memenuhi kehendak s. 85(2) untuk melepaskan tertuduh dari disabitkan kesalahan. Ini adalah kerana seksyen ini terpakai dalam apa jua keadaan apabila kemabukan dibangkitkan. Seperti yang dianalisis di perenggan-perenggan [79] hingga [81] *ante*, tindak-tanduk dan gerak-geri tertuduh sejurus selepas peristiwa tembakan berlaku mendorongkan mahkamah kepada inferens bahawa

sebenarnya tertuduh tahu bahawa apa yang telah dilakukannya adalah salah dan beliau faham apa yang telah dilakukan dan akibat yang timbul dari perlakuan tersebut. Kehendak s. 85(2) tidak dapat dipenuhi, dan oleh itu, pembelaan automatisme di peringkat kes pendakwaan seharusnya ditolak.

Kebolehterimaan Rakaman Percakapan Yap Kim Seong

[85] Seperti yang dijelaskan di atas, Yap Kim Seong, yang merupakan saksi mata insiden tembakan dalam kes ini, telah meninggal dunia sebelum perbicaraan berlangsung. Beliau meninggal pada 24 November 2016.

[86] Pada tengah hari 27 Ogos 2016, Inspektor Muhamad Hafizuddin bin Mustafa (SP26) telah berjumpa dengan Yap di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia dan merakamkan percakapan beliau. Menurut keterangan SP26, percakapan Yap telah diterjemahkan oleh seorang bernama Konstabel Yeong dalam bahasa Mandarin. Inspektor Hafizuddin juga berkata bahawa Yap dapat memahami draf pernyataan yang dibaca balik kepadanya dalam bahasa Melayu. Yap kemudian menandatangani pernyataan ini.

[87] Apabila Inspektor Hafizuddin kembali kepada pejabatnya, beliau telah menaip kembali pernyataan tersebut ke dalam komputer, akan tetapi pernyataan bertaip ini tidak ditandatangani oleh Yap. Rakaman percakapan yang bertulis tangan yang telah ditandatangani oleh Yap telah hilang dan tidak dapat dijumpai oleh pihak polis. Apabila disoal balas oleh peguam pembelaan, SP26 mengatakan bahawa beliau tidak pergi berjumpa dengan Yap dan Konstabel Yeong untuk mendapatkan tandatangan mereka kerana beliau terlepas pandang hal ini.

[88] Sewaktu perbicaraan, pihak pendakwaan telah memohon supaya pernyataan bertaip yang tidak bertandatangan tersebut (ID191) dimasukkan sebagai keterangan kes.

[89] Saya menolak permohonan tersebut. Pernyataan ID191 tidak ditandatangani oleh Yap. Walaupun s. 112 Kanun Tatacara Jenayah hanya memerlukan tandatangan saksi diturunkan "apabila boleh"[24], namun keterangan telah diterima yang menunjukkan bahawa tandatangan Yap memang boleh diperolehi sebelum beliau meninggal dunia. Yap hanya meninggal dunia lebih kurang tiga bulan selepas rakaman percakapan tersebut, dan kegagalan pihak polis untuk berbuat demikian tidak disokong oleh sebab-sebab yang munasabah. Tambahan pula, rakaman percakapan asal yang bertulis tangan tidak dikemukakan untuk mengesahkan ketepatan salinan bertaip tersebut.

[90] Di akhir kes pendakwaan, En Kitson berhujah bahawa keterangan dari Yap Kim Seong merupakan saksi material bagi kes pendakwaan, dan keterangan rakaman percakapan beliau, jika dikemukakan, mungkin dapat mengesahkan pembelaan tertuduh. Oleh yang demikian – mengikut En Kitson – tertuduh perlu diberikan segala manfaat keraguan yang timbul dalam hal ini.

[91] Selain dari itu, dapat diperhatikan bahawa tiada apa-apa keterangan dimajukan oleh pihak pendakwaan mengenai motif kesalahan, atau faktor-faktor dorongan yang mungkin telah menyebabkan tertuduh melepaskan tembakan ke arah mangsa. Mahkamah berpendapat bahawa memang ada kemungkinan bahawa faktor-faktor dorongan ini dapat dinilai jika keterangan daripada Yap dapat diketengahkan.

[92] Pemerhatian pertama saya mengenai hujahan En Kitson adalah seperti berikut. Sebenarnya, pihak pembelaan sendiri yang mengutarakan bantahan terhadap kebolehterimaan ID191. Setelah mahkamah membenarkan bantahan tersebut, pihak pembelaan cuba pula untuk berbahas bahawa kegagalan untuk mengemukakan keterangan tersebut telah mendatangkan prejudis kepada kes pembelaan dan tertuduh perlu dibebaskan kerana kegagalan tersebut telah membangkitkan keraguan yang munasabah.

[93] Pada pendapat saya, saya tidak perlu membuat apa-apa penentuan mengenai ketidakkonsistenan dalam pendekatan yang telah diambil oleh pihak pembelaan. Ini adalah berlandaskan fakta bahawa jikalau sekalipun keterangan Yap dapat diterima pakai oleh mahkamah, ia tidak akan mengubah penemuan fakta dan undang-undang oleh mahkamah ini bahawa inti pati kesalahan telah pun dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Seperti yang dihuraikan secara terperinci di perenggan-perenggan [79] dan [81] *ante*, sungguhpun ada keterangan yang memungkinkan bahawa tertuduh di bawah pengaruh dadah di waktu yang material, namun, setelah mengkaji rakaman video litar tertutup dalam kes ini, saya telah berpendapat bahawa tertuduh masih boleh mempunyai keupayaan untuk membezakan di antara betul dan salah, dan di antara baik dan jahat. Reaksi beliau sejurus selepas melepaskan tembakan tidak menyokong apa-apa kesimpulan atau penemuan bahawa beliau tidak tahu apa yang telah beliau lakukan pada waktu yang material.

[94] Alasan kedua dalam menyangkal hujahan En Kitson adalah seperti berikut. Walaupun tiada apa-apa keterangan dikemukakan oleh pendakwaan mengenai motif atau faktor dorongan dalam kes ini, namun motif bukanlah menjadi inti pati kesalahan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Di dalam kes *PP v. Letchumanan Krishnan*[25], Mahkamah Tinggi telah berkata:

> [26] No motive was shown by the prosecution for this murder. As I understand it, proof of motive does not establish guilt and motive is not an essential ingredient for this offence (see: *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v. Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232). However, in the present case, establishing motive in view of the evidence that the relationship between the deceased and the accused was good and the accused love the deceased, becomes crucial in order to tilt the scale against the accused.

[95] Oleh kedua sebab yang dinyatakan di atas, pengecualian rakaman percakapan Yap tidak mendatangkan apa-apa efek terhadap keputusan mahkamah dalam kes ini.

Kesimpulan

[96] Pada akhir kes pendakwaan, berdasarkan penilaian maksimum keterangan yang telah dikemukakan dan selepas mengambil kira s. 180 Kanun Tatacara Jenayah dan kes Mahkamah Persekutuan *Balachandran v. PP*[26], saya mendapati bahawa pihak Pendakwa Raya telah berjaya membuktikan kes *prima facie* sepertimana terkandung di dalam pertuduhan. Saya berpuas hati bahawa elemen kesalahan bunuh di bawah s. 300(a) Kanun Keseksaan telah dibuktikan. Tertuduh dipanggil untuk membela diri.

Analisis Kes Pembelaan

Keterangan Tertuduh

[97] Tertuduh telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dengan bantuan jurubahasa Mandarin. Keterangan beliau adalah seperti berikut.

[98] Tertuduh memberi keterangan bahawa Yap Kim Seong telah menelefonnya untuk menolong beliau di rumah tempat kejadian, kerana tiada sesiapa untuk menjaga beliau. Tertuduh mengatakan bahawa beliau telah menghisap dadah selama dua atau tiga hari, selaras dengan keterangan video daripada rakaman litar tertutup.

[99] Tertuduh mengatakan bahawa beliau tidak ingat apa yang berlaku pada 19 Ogos 2016, dan hanya sedar kembali apabila berada di rumah kawan yang lain. Pada 23 Ogos 2016, tertuduh telah pergi ke balai polis tetapi tidak tahu mengapa beliau ke sana.

[100] Sewaktu soalan balas oleh Tuan Azeezi Nordin, Timbalan Pendakwa Raya, tertuduh berpegang kepada jawapannya yang bahawa beliau tidak ingat menembak Wong Fong Sing, mahupun apa-apa butiran mengenai insiden tembakan tersebut.

[101] Namun demikian, apabila ditanya, tertuduh ingat bahawa beliau asyik menghisap dadah pada waktu yang material dan berupaya menceritakan kembali jenis-jenis dadah yang telah digunakan dan juga bentuk dan warna dadah tersebut. Berikut merupakan ekstrak daripada nota keterangan dalam kes ini sewaktu pemeriksaan balas tertuduh:

20. Dalam keterangan kamu hari ini, kamu hanya menyatakan tidak ingat kerana kamu tidak mahu menceritakan kejadian sebenar yang berlaku pada hari kejadian tersebut, setuju?

    Bukan, saya memang tak ingat. Masa itu saya asyik menghisap dadah sahaja.

21. Dadah yang banyak di rumah Ah Seong ini ada di bahagian mana?

    Dekat meja.

22. Dadah itu dalam bekas apa?

    Simpan dalam plastik.

23. Dadah-dadah ini ada warna?

Macam kristal. Macam gula.

24. Ada yang berwarna?

Cocaine yang berwarna putih.

25. Eramin 5 berwarna apa?

Pink 'colour'.

26. Ganja berwarna apa?

Hijau.

27. Mr Khiew, kamu boleh ingat semua jenis dadah, kamu boleh ingat warna dadah, tapi kamu tak ingat kejadian pada malam tersebut, setuju?

Saya memang tak dapat ingat balik. Dadah tu semua campur-campur.

28. Oleh itu, sekali lagi saya katakan, kamu memberi keterangan hari ini dengan mengelak untuk menceritakan cerita sebenar pada malam itu?

Saya tidak mengelak. Masa itu kami tidak bergaduh, kami bersembang, kami menghisap dadah.

Keputusan Mahkamah

[102] Pada pendapat saya, keterangan yang diberikan oleh tertuduh hanyalah penafian semata-mata. Jelas terlihat daripada nota keterangan sewaktu pemeriksaan balas bahawa ada ketidakpadanan pada jawapan yang telah diberikan oleh tertuduh. Walaupun tertuduh kononnya tidak mampu mengingati apa yang telah berlaku, namun beliau dengan jelas dan terperinci dapat mengimbas kembali jenis dadah yang diambilnya, serta memberi deskripsi setiap satu dadah tersebut.

[103] Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa tertuduh tidak jujur dengan jawapannya bahawa beliau tidak ingat apa yang berlaku pada hari kejadian.

[104] Mengenai pembelaan automatisme yang sekali lagi dibangkitkan di akhir kes pembelaan, saya berpendapat bahawa keterangan yang diberikan oleh tertuduh tidak mampu menampung pembelaan tertuduh. Keterangan objektif dalam kes ini mengenai pengambilan dadah dan juga keterangan saksi sendiri bahawa beliau tidak ingat apa-apa kecuali fakta bahawa beliau telah mengambil dadah tidak dapat mengalihkan beban pembuktian kepada pihak pendakwaan untuk menidakkan atau menyangkal pengataan automatisme tersebut.

[105] Pada keseluruhannya, keterangan yang diterima sewaktu kes pembelaan tidak mampu membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan terhadap tertuduh.

Kesimpulan

[106] Tertuduh dengan ini disabitkan dengan kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan.

[107] Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, tertuduh dijatuhkan hukuman gantung di leher sampai mati.

Endnote:

1. Rakaman Cam 14 pada waktu 06:12:42, eks. P87
2. Rakaman Cam 3 pada waktu 06:13:24, eks. P87
3. Lihat, sebagai contoh, keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Abd Razak Dalek v. PP* [2010] 2 CLJ 956; [2011] 2 MLJ 237 di perenggan [14]
4. Ekshibit P183
5. *Mohd Khayry Ismail v. PP* [2014] 1 LNS 412; [2014] 4 MLJ 317
6. Lihat laporan balistik, eks. P69
7. *Tham Kai Yau & Ors v. PP* [1976] 1 LNS 159; [1977] 1 MLJ 174
8. *PP v. Abdul Razak Dalek* [2006] 4 CLJ 129; [2007] 2 MLJ 255. Keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes ini telah disahkan oleh kedua-dua Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan
9. *Kenneth Fook Mun Lee v. PP* [2006] 4 CLJ 359
10. *Abdul Aziz Mohamed Shariff v. PP* [2010] 5 CLJ 733
11. Edisi ke-4
12. *Abd Razak Dalek v. PP* [2010] 2 CLJ 956; [2011] 2 MLJ 237
13. *Sinnasamy v. PP* [1955] 1 LNS 148; [1956] 22 MLJ 36
14. *Chan Kwee Fong v. PP* [2010] 3 CLJ 671; [2010] 1 MLJ 441
15. [1843] 10 C & F 200
16. Niat ("intention") harus dibezakan dari *mens rea*, kerana pengetahuan ("knowledge") memadai bagi membentukkan *mens rea* di bawah s. 300(d) Kanun Keseksaan.
17. Atau "defence" dalam bahasa asal
18. Muka surat 62, edisi ke-13, 2011
19. *Hoo Ah Tee v. PP* [2013] 4 CLJ 228; [2013] 4 MLJ 636. Dalam kes ini, petikan diambil dari edisi ke-5 buku tersebut

A 20. *Abdul Razak Dalek v. PP* [2010] 6 CLJ 357

21. Lihat nota kaki 9, *ante*

22. *Norol Rojik Jun v. PP* [2018] 8 CLJ 186; [2018] 6 MLJ 246

23. Seksyen 347 Kanun Tatacara Jenayah

B

24. Dalam bahawa asal, "whenever possible": s. 112(5) Kanun Tatacara Jenayah

25. *PP v. Letchumanan Krishnan* [2007] 1 LNS 490; [2008] 3 MLJ 290

C 26. *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85

D

E

F

G

H

I